

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [ SEMBRONG ]**

**SOALAN**

**DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [ SEMBRONG ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah Malaysia masih lagi mengetuai inisiatif bersama negara-negara pengeluar kelapa sawit dalam mengetengahkan kemampanan pengeluaran produk sawit dan mengatasi persepsi negatif yang wujud di negara Eropah khususnya terhadap industri ini.

**JAWAPAN**

Malaysia pada masa ini sedang mengetuai satu gabungan kerjasama bersama Indonesia dan Colombia menerusi Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries* atau CPOPC). CPOPC ditubuhkan bertujuan antaranya untuk memantapkan lagi amalan persekitaran mampan, pengurusan bekalan, aktiviti promosi dan pembangunan pekebun-pekebun kecil bagi negara anggota. Melalui CPOPC, Malaysia dan Indonesia telah memberikan komitmen untuk memastikan pengeluaran minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit dilaksanakan secara mampan. Amalan penanaman lestari ini diterapkan melalui pelaksanaan skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan pensijilan Minyak Sawit Mampan Indonesia (ISPO).

Melalui CPOPC juga, Malaysia dan Indonesia telah bersetuju untuk merangka strategi bersama untuk menangani persepsi negatif terutamanya di negara-negara Kesatuan Eropah (EU). Ini termasuk mengadakan misi teknikal bersama ke EU serta mempertimbangkan bantahan terhadap diskriminasi minyak sawit oleh EU melalui platform *World Trade Organisation* (WTO). Sekian, terima kasih.